



Newspaper	Suara Keadilan
Date	7/5/2013

Rakyat tolak pegawai khas Najib

Suara Keadilan - 7/5/2013



“ Kita melihat kekalahan pegawai khas Najib ini sebagai trend kematangan politik rakyat yang mahukan calon memahami mereka, bukannya yang dipersetujui PM semata-mata ”

JOHARI ABDUL
 Ahli Parlimen Sungai Petani

PM Najib Razak merupakan pemimpin paling tamak meletakkan sebanyak-banyaknya pegawai khas atau individu yang rapat dengan beliau sebagai calon BN.

Dalam Pilihan Raya ke-13 yang lalu, Najib meletakkan lima pegawai khas bertanding kerusi Parlimen dan DUN di seluruh negara. Bagaimanapun, kelima-lima calon itu kalah di tangan calon-calon Pakatan Rakyat.

Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul menyifatkan kekalahan tersebut sesuatu yang amat memalukan kepada Najib, memandangkan rakyat menolak individu yang amat dekat dengan hirarki kekuasaan Perdana Menteri itu.

“Dari satu segi Najib tidak yakin dengan ‘grass-root’ Umno dalam membariskan calon-calon *winnable candidate*. Sebab itu dia sendiri yang pilih calon dari pegawai khasnya

“Tetapi rakyat sebenarnya tidak peduli sama ada calon itu pegawai khas atau setiausaha Perdana Menteri sekali pun. Rakyat tak boleh terima begitu sahaja calon payung terjun yang mereka tidak kenali.

“Kita melihat kekalahan pegawai khas Najib ini sebagai trend kematangan politik rakyat yang mahukan calon memahami mereka, bukannya yang dipersetujui PM semata-mata,” katanya.

Johari juga berpendapat trend yang sama ditunjukkan ke atas parti-parti dalam Pakatan Rakyat. Calon payung terjun turut ditolak. Katanya, situasi kematangan politik kini jauh berbeza daripada tahun 1970an atau 1980an yang mana rakyat lebih memilih parti, bukannya calon.

Lima pegawai khas PM kalah

KELIMA-LIMA pegawai Datuk Seri Najib Razak kalah di kerusi yang ditandingi mereka pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

Dua pegawai khas beliau Datuk Shahlan Ismail tewas dengan majoriti 3,935 kepada calon PAS Datuk Mahfuz Omar di kerusi Parlimen Pokok Sena manakala Datuk Latt Shariman Abdullah pula tewas kepada calon PAS Mohd Nasir Mustafa dengan majoriti 1,044 di kerusi dewan undangan negeri (DUN) Kubang Rotan.

Setiausaha politik Najib

di Kementerian Kewangan, Datuk Mohd Shafei Abdullah tewas kepada calon KEADILAN, Datuk Dr Tan Kee Kwong dengan majoriti besar sebanyak 5,511.

Dua lagi pegawai khas beliau yang tewas adalah Datuk Mohamad Fatmi Che Salleh, kalah kepada calon PAS Takiyuddin Hassan dengan majoriti 15,822 di Kota Bharu dan Datuk Mohamed Suffian Awang, ditewaskan oleh calon KEADILAN Fuziah Salleh di kerusi parlimen Kuantan dengan majoriti 4,515.

Fakta

- MCA hanya tinggal 6 kerusi Parlimen (berbanding 15 pada 2008)
- Gerakan hanya tinggal satu (berbanding 2)
- Parti Progresif Penduduk (PPP) kalah di semua kerusi yang ditandingi